



اَوْنَبُوْرُ سَيِّدِيْ تِيَكُوْلُوْ كِيْ مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Fakulti  
Pengurusan  
dan Perniagaan

# FB2

## Newspaper Highlight 2022

January





5 January 2022

# 'Kita bantu kita' kunci kekuatan hadapi musibah



Oleh Dr Mohd Rahim Khamis  
dan Mohd Faizal Kamarudin  
bhrencana@bh.com.my

**Rentetan** tragedi banjir melanda akhir tahun lalu, pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan turun padang membantu mangsa.

Ada menjadi sukarelawan di pusat pemindahan sementara (PPS) mangsa banjir, manakala sebahagiannya membantu dalam pembersihan pasca banjir. Keprihatinan sebegini menebal dalam diri rakyat Malaysia.

Segala bantuan tenaga, makanan dan keperluan harian serta wang ringgit banyak disumbangkan kepada mangsa.

Ada tidak mempunyai keupayaan membantu dari segi tenaga, justeru sumbangan wang ringgit dihulurkan.

Bagi yang mempunyai tenaga dan keupayaan, mereka turun padang membantu memindahkan mangsa banjir dan

membersihkan kediaman mangsa. Ini menunjukkan kita semua boleh membantu mengikut apa yang kita mampu.

Selain PPS, bantuan dalam bentuk tempat penginapan sementara kepada mangsa banjir juga

disediakan. Contohnya, masjid, surau dan rumah ibadat agama lain dibuka kepada mereka yang terkesan akibat bencana banjir untuk penginapan sementara tanpa mengira bangsa serta agama.

Ia sifat amat terpuji dan sehingga kini, pelbagai bantuan dan sokongan masih disalurkan kepada mereka yang terkesan akibat bencana banjir. Dari utara sampai selatan, semuanya turun padang membantu.

Semangat 'kita bantu kita' sememangnya tersemat dalam jati diri rakyat Malaysia. Kita semua umpama satu keluarga besar seperti selalu di-laungkan Perdana Menteri, iaitu Keluarga Malaysia.

Namun, bencana banjir kali ini juga memperlihatkan lompong koordinasi antara agensi bertanggungjawab. Kelewatan bantuan sememangnya menambah derita kepada ramai mangsa banjir.

Bagaimanapun, tindakan pantas Perdana Menteri menangani perkara ini memperlihatkan kemampuan kita sebenarnya berada pada tahap paling optimum.

Selain itu, sudah menjadi keperluan untuk kita menggunakan analisis data raya dalam menangani bencana seperti banjir. Dalam semangat kita bantu kita, ramai menggunakan media sosial untuk memastikan mereka yang memerlukan bantuan mendapat perhatian sewajarnya.

Penggunaan analitik data raya ini dijangka dapat

mempertingkatkan kecekapan kita dalam menangani bencana pada magnitud seperti yang sedang kita lalui ini. Malah, mungkin ia dapat memastikan setiap kepedulian kita untuk membantu dalam proses menyalurkan bantuan digunakan sebaiknya. Diharapkan ia juga dapat mengelak sebarang bentuk pembaziran.

Sesungguhnya, bencana banjir memberi pengajaran besar untuk semua. Penyampaian maklumat yang berkesan untuk perkara seserius ini perlu diberi perhatian sewajarnya.

Kelihatan juga Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Datuk Dr Noor Hisham Abdullah kerap berkongsi ciapan ramalan kaji cuaca dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia). Dengan jutaan pengikut beliau di Twitter, diharapkan lebih ramai mengambil maklum berkenaan ramalan kaji cuaca ini.

Kita bantu kita adalah kekuatan Keluarga Malaysia. Ia sesuatu sikap positif yang dapat membantu kita menangani situasi pahit ketika ini.

Pada masa sama, harus kita insaf dengan semangat saudara Azwan Omar atau lebih dikenali 'Abang Viva' yang tular, jelas sekali mencapai tahap afektif tertinggi.

Kecaknaan beliau membantu insan lain yang memerlukan dengan sumber terhad adalah lanjutan kemungkinan bahawa kita semua boleh dan mampu untuk membantu sesama kita.



Pensyarah  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM)



12 January 2022

# Tabiat bertangguh, 'nantilah' penghalang urus kesihatan diri



Pensyarah Kanan  
Jabatan Teknologi  
dan Pengajian  
Rantaian Bekalan,  
Fakulti Pengurusan  
dan Perniagaan,  
Universiti Teknologi  
MARARA (UiTM)  
Kampus Puncak  
Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar  
bhrencana@bh.com.my

**Setiap** kali tahun baharu, perkara yang wajib dilakukan hampir setiap insan adalah menetapkan azam yang ingin dicapai. Selain menetapkan azam baharu, ada juga menyambung kembali azam yang tidak terlunas sebelumnya.

Satu daripada azam atau impian peribadi besar yang sering dimanifestasikan termasuklah ingin meningkatkan tahap kesihatan yang lebih optimum.

Kesihatan diuruskan secara betul dan teratur membolehkan seseorang itu hidup sihat, mengurangkan risiko penyakit dan membolehkan rawatan dimulakan seawal mungkin bagi sebarang abnormaliti yang dikesan.

Kita semua inginkan sentiasa sihat fizikal dan mental agar dapat mengharung hari mendatang dalam keadaan sejahtera. Namun, acap kali penghalang utama pencapaian azam untuk menguruskan tahap kesihatan ini datang daripada kita sendiri.

Ia selalu berpunca daripada sikap suka bertangguh atau tidak keterlaluan dikatakan tabiat buruk 'nantilah'.

Ramai memasang impian mahu lebih sihat daripada keadaan sedia ada, namun perlakuan masing-masing tidak menjurus kepada apa diinginkan.

Antaranya, tidak mengamalkan gaya pengambilan pemakanan lebih sihat dan berkhasiat.

Acap kali, apabila berdepan santapan terhidang mengandungi kandungan minyak, lemak dan gula tinggi seperti nasi kandar, kari kambing dan air manis, maka tabiat 'nantilah' akan tiba.

Seperti kebiasaannya, ungkapan lain biasa dilafazkan seperti 'tidak apalah', 'sedikit sahaja ini', atau 'hari ini sahaja, bukannya selalu'. Maka, hilang sudah apa dipelajari mengenai konsep pemakanan diet sihat contohnya 'suku-suku-separuh'. Pemakanan kerap dan berlebihan seumpama ini sudah diketahui meninggikan risiko penyakit berkaitan kardiovaskular.

Mereka yang mengamalkan gaya hidup tidak sihat turut tidak terkecuali. Individu merokok khususnya secara berlebihan sering berdolak-dalih apabila diminta berhenti atau mengurangkan pengambilan. 'Nantilah' atau 'susahlah nak berhenti' sering diucapkan. Pelbagai alasan mengiringi walaupun tahu kesannya buruk terhadap paru-paru.

Azam pada awal tahun kini tinggal kenangan, lebur seperti asap rokok yang dihembus bertalu-talu. Ada yang beralih arah kepada penggunaan rokok elektronik (vape), namun keberkesananannya tidak pasti. Bahkan, ada kajian mendapati tiada perbezaan ketara antara kedua-duanya.

Bagi individu berusia 40 tahun ke atas atau mereka yang mempunyai risiko kesihatan, sering disarankan membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setiap enam bulan. Peme-

riksaan ini antara lain, termasuk indeks jisim badan, tekanan darah, paras gula dan kolestrol serta juga saringan penanda kanser.

Namun, apabila diperingatkan, alasan hampir sama diberi iaitu 'nantilah'. Ada memberi alasan terlalu sibuk sehingga tiada masa, bahkan ada pula takut untuk membuat pemeriksaan - kluatir mendapat tahu ada sesuatu tidak kena dengan tahap kesihatan mereka atau tidak dapat menerima kenyataan di sebalik keputusan.

Antara pemangkin kepada pengurusan tahap kesihatan diidamkan termasuk aktif bersukan dan beriadah. Membabitkan diri dengan aktiviti sebegini, seseorang boleh meningkatkan tahap kecerdasan, meregangkan otot ketat dan melancarkan pengaliran darah seluruh badan.

Penyakit tabiat 'nantilah' sering muncul apabila berbicara soal ini. Ada antara mereka yang seharian sibuk bekerja khususnya dalam pejabat berhawa dingin merasakan liat untuk meluangkan sedikit masa di waktu petang.

Penyakit berkaitan amalan kesihatan tidak kenal usia atau jantina. Justeru, kita tidak sepatutnya bersikap acuh tak acuh memandangkan perkara ini.

Azam ditetapkan janganlah mudah dikhianati. Katakan tidak kepada tabiat 'nantilah' dan lontarkan ia jauh-jauh. Lakukan dengan tekad dan nekad untuk mencapai tahap kesihatan yang sejahtera dan kehidupan bahagia.

Janganlah azam ditanam terpaksa menanti sekali lagi untuk kesekian kali.



14 January 2022

# Manfaat masjid, teknologi lonjak produktiviti ekonomi Islam



Pensyarah Kanan  
Universiti Teknologi  
MARA (UTM)  
Kampus  
Puncak Alam

Oleh Zuraidah Ismail  
bhagama@bh.com.my

Dari segi pandangan umum, peranan masjid tidak lebih sekadar tempat untuk beribadah atau menunaikan solat, sedangkan fungsi sebenarnya jauh lebih luas daripada itu.

Masjid sendiri sebenarnya melambangkan perpaduan dan ukhuwah umat Islam, selain medium untuk menjana serta membangunkan modal insan sama ada dari aspek akhlak atau kerohanian.

Pembangunan modal insan menyeluruh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi umat Islam akhirnya.

Jika dilihat ketika zaman Rasulullah SAW, masjid memainkan peranan cukup luas mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan serta pusat peluasan agama dan sebagainya.

Allah SWT sendiri turut menekankan kaitan masjid dengan ekonomi melalui firman-Nya yang bermaksud: *"Kemudian setelah selesai solat, maka bersebarlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)." (Surah al-Jumu'ah, ayat 10)*

Dalam konteks komuniti setempat, masjid dilihat sebagai institusi pemangkin kepada sumber rezeki atau dengan kata lain, penyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti.

Abdul Ghani (2004) dalam kajiannya menjelaskan konsep pembangunan ekonomi Islam melihat kepada pengembangan sumber daya manusia dan penguasaan teknologi sebagai penggerak utama pembangunan ekonomi.

Pengembangan sumber daya manusia merangkumi seluruh potensi dan keupayaan serta kualiti kemanusiaan dari sudut rohani dan moral. Ilmu dan teknologi pula asas semakin penting dalam menjana pembangunan ekonomi umat Islam.

Semakin tinggi pencapaian warga umat Islam dalam bidang ilmu dan teknologi, maka semakin meningkat kemajuan pembangunan ekonomi dicapai.

Selaras perkembangan teknologi dan keperluan mengurangkan tekanan kemiskinan akibat pandemik, peranan masjid sebagai pemangkin ekonomi umat Islam perlu dipertingkatkan.

Hari ini, banyak masjid mula menjalankan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan dana masjid. Fungsinya, supaya dana ini kemudian boleh digunakan pula untuk membantu komuniti setempat.

Aktiviti perekonomian masjid boleh berlaku dalam pelbagai cara. Sebagai contoh, institusi masjid dan surau boleh melaksanakan aktiviti perniagaan sosial asas seperti penyewaan aset masjid, perusahaan projek pertanian atau melabur dalam koperasi masjid yang secara tidak langsung menambah pendapatan secara bulanan.

Untuk meningkatkan kapasiti perekonomian masjid, teknologi boleh dijadikan penyambung kepada aktiviti dijalankan di masjid.

Contohnya, menerusi teknologi bukan setakat penjualan, pemprosesan aktiviti juga boleh dijalankan di masjid. Sudah tiba masanya masjid mempelbagaikan produk, sebagai contoh menyediakan mesin layan diri supaya sesiapa yang mengunjungi masjid boleh membeli minuman atau makanan tanpa perlu menyediakan kantin atau kafe.

Perkembangan teknologi digital juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi di mana platform seperti Lazada dan Shopee, serta saluran media sosial

seperti Facebook, Telegram, Twitter dan sebagainya dapat membantu dari segi agihan dan logistik pelbagai produk dikeluarkan masjid.

Ia seterusnya meningkatkan dana kewangan masjid yang kemudian boleh disalurkan kepada golongan memerlukan, terutama masyarakat Islam setempat di kala pandemik ini.

Memetik kata Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Mohd Ajib Ismail, selain mengimarahkan masjid dalam bentuk kerohanian, aktiviti muamalat dan ekonomi juga boleh dijalankan untuk menambah dana dan membiayai semua aktiviti masjid tanpa perlu bergantung kepada kerajaan.

Penubuhan koperasi masjid satu alternatif kepada peranan masjid itu sendiri, sebagai pemangkin pembangunan ekonomi. Masjid juga boleh menggunakan platform digital untuk memasarkan produk dihasilkan komuniti sekitar melalui koperasi masjid.

Sebagai contoh, projek perekonomian dijalankan Masjid Taman Desa Ilmu di Kota Samarahan, Sarawak yang melaksanakan penanaman cili fertigasi dengan mengguna pakai teknologi internet kebandaan (IoT).

“Aktiviti ekonomi membabitkan masjid seperti pertanian moden, perniagaan peruncitan, pelancongan, koperasi dan pelaburan hartanah boleh dijadikan medium untuk membantu masyarakat Islam”



Projek Rintis Hijau UrbanKit di pekarangan Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi antara usaha pihak masjid menjana pendapatan sampingan.  
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Dengan bermodalkan RM5,000 projek ini menjana hasil tuaian sehingga 45 kilogram (kg) cili untuk sekali tuaian bagi 1,000 pokok dengan harga pasaran cili padi RM30 per sekilogram. Melalui projek ini, Masjid Taman Desa Ilmu menjana sehingga RM1,350 untuk sekali tuaian.

Ia membuktikan perkembangan pesat teknologi digital mendorong pertumbuhan sosioekonomi Islam lebih mampan seperti penggunaan IoT dalam sektor pertanian yang dijalankan masjid.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri, ketika Majlis Prapelancongan Pelancongan Masjid Sarawak pada 27 November 2021, menyatakan masjid boleh dijadikan antara produk pelancongan yang dapat meningkatkan aktiviti ekonomi negara.

Katanya, di Sarawak misalnya, keunikan masjidnya serta kekayaan budaya negeri menjadikan faktor ini sebagai tarikan kepada aktiviti pelancongan Sarawak, khususnya dan Malaysia secara amnya.

Berdasarkan statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat 6,000 masjid dibina di seluruh negara, di mana 80 daripadanya mempunyai potensi besar dibangunkan di bawah program pelancongan masjid.

Nilai estetik masjid dan perkembangan teknologi serta capaian internet yang pantas menyumbang peranan masjid dalam bidang pelancongan.

Namun, untuk menjadikan masjid pusat aktiviti ekonomi, ia perlu mendapat kerjasama semua pihak. JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri serta masyarakat Islam secara keseluruhan, perlu buka mata dan minda melihat secara lebih luas konteks pengimarahkan masjid, khususnya dalam aspek fungsi pembangunan ekonomi Islam.

Aktiviti ekonomi membabitkan masjid seperti pertanian moden, perniagaan peruncitan, pelancongan, koperasi dan pelaburan hartanah boleh dijadikan medium untuk membantu masyarakat Islam.

Kehidupan di zaman millennial yang mana masyarakat lebih banyak berkomunikasi di hadapan komputer dan secara dalam talian, menjadikan perkembangan teknologi faktor penting membangunkan ekonomi menerusi pengimarahkan masjid.



15 January 2022

# Pendekatan menyeluruh bendung Omicron



Pensyarah Kanan  
Jabatan Ekonomi dan  
Pengajian Kewangan,  
Fakulti Pengurusan  
dan Perniagaan  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM)  
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis  
bhrencana@bh.com.my

**Amaran** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai varian Omicron berisiko 'sangat tinggi' di seluruh dunia dan lebih berbahaya kepada mereka belum disuntik vaksin, menuntut semua negara meningkatkan pengawasan penularannya, sekali gus mempercepatkan program vaksinasi.

Walaupun kita melaksanakan pelbagai strategi, penularan Omicron tetap berlaku dalam negara apabila kebenaran perjalanan antarabangsa dibenarkan. Justeru, apakah penyelesaian terbaik kita dengan melakukan sekatan segera ke atas perjalanan antarabangsa atau mengetatkan sekatan di pintu antarabangsa?

Realitinya, WHO sendiri tidak mengeluarkan sebarang amaran larangan atau sekatan perjalanan kerana langkah itu tidak adil kepada negara yang penularan varian baharu pada kadar rendah.

Bagaimanapun berdasarkan kenyataan Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menyatakan kemungkinan untuk menyekat pergerakan keluar masuk dari negara dianggap berisiko.

Penangguhan perjalanan antarabangsa membabitkan negara teruk dilanda Omicron wajar supaya penularan ketika COVID-19 mula merebak di negara ini pada awal 2020 tidak berulang. Pada 29 Januari 2020, Menteri Kesihatan mengesahkan kes pertama

membabitkan tiga warga China yang masuk ke negara ini melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari, pasti tidak boleh berulang lagi.

Pada masa sama, prosedur operasi standard (SOP) sedia ada perlu diperkemas dan ditambah baik sejajar varian baharu ini termasuk pemakaian peranti pengawasan digital kepada semua pengembara dari negara berisiko yang pulang ke tanah air untuk mengawal pergerakan mereka supaya menjalani kuarantin mengikut tempoh ditetapkan.

Langkah kerajaan membuka pusat kuarantin untuk menempatkan mereka yang baru pulang dari negara luar juga perlu disambut baik kerana ia bertujuan membendung dan memperlambatkan penularan gelombang varian baharu.

Bagaimanapun, pendekatan ini perlu dipantau



Pengembara yang baru pulang ke tanah air perlu menjalani kuarantin wajib elak penularan Omicron.  
(Foto hiasan)

dan dikoordinasi sebaik mungkin untuk mengelak sebarang ketirisan dalam pengendaliannya, sekali gus wajib dikenakan kepada semua pihak tanpa mengira latar belakang, pangkat dan darjat.

Sebarang ketirisan pastinya akan menggugat keyakinan rakyat terhadap usaha dilaksanakan kerajaan, sekali gus mencalar kredibilitinya. Lebih buruk, ia boleh menyebabkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak dan tidak terkawal seperti yang kini berlaku di negara lain.

Pastinya, ada tertanya-tanya mengapakah kerajaan membenarkan perjalanan antarabangsa sedangkan ada sesetengah negara luar menutup rapat pintu antarabangsa mereka dan tidak menerima pelawat mahupun pelancong dari luar.

Kerajaan pastinya mempunyai alasan tersendiri membenarkan perjalanan antarabangsa kerana kadar vaksinasi tinggi melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) memberi sedikit keyakinan untuk membuka semula semua sektor termasuk sektor pelancongan yang terjejas teruk sebelum ini.

Kebenaran perjalanan antarabangsa ini diharap dapat memulih kembali sektor itu, sekali gus menyuntik pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, sebarang keputusan dan tindakan dalam mengekang penularan varian baharu, perlu juga dilihat implikasi kepada ekonomi dan sosial.

Hakikatnya, rakyat boleh menerima apa juga pendekatan bakal diambil, tetapi biarlah ia secara holistik dalam mengawal dan membendung penularan varian COVID-19 dalam negara. Kita tidak mahu melihat ia tidak lebih melepaskan batok di tangga hingga akhirnya tiada kejayaan dapat dicapai, malah sosioekonomi kembali terjejas teruk.



19 January 2022

# Tambah baik keberkesanan sistem RFID elak plaza tol sesak



Pensyarah Kanan  
Jabatan Teknologi  
dan Pengajian  
Rantaian Bekalan,  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM)  
Kampus  
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar  
bhrencana@bh.com.my

**Kutipan** tol secara elektronik termasuk melalui kad Touch 'n Go (TNG), SmartTAG dan terbaru Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), sejajar perkembangan teknologi dalam era automasi dan digitalisasi. Keberkesanan penggunaan kutipan berkenaan berjaya memberi perkhidmatan lebih mudah, pantas serta melancarkan perjalanan pengguna lebuhraya.

Bermula Sabtu lalu, era kutipan tol elektronik memasuki fasa baharu apabila kaedah kutipan menggunakan kad TNG dan SmartTAG akan dihentikan berperingkat. Ini memberi jalan kepada pelaksanaan kutipan tol menggunakan teknologi RFID lebih menyeluruh khususnya bagi kenderaan ringan

persendirian di lebuhraya bertol di Pantai Barat Semenanjung, termasuk di Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

Ini sejajar Rancangan Induk Sistem Pengangkutan Pintar dirancang Kementerian Kerja Raya yang bertujuan melaksanakan pelan jangka panjang lebih efektif dengan pengenalan perkhidmatan Sistem Tol Aliran Bebas Pelbagai Lorong pada 2026 yang terbukti berkesan termasuk di kota raya seperti London, Singapura dan Melbourne.

Inisiatif pelaksanaan ini wajar disambut baik pengguna kerana akan menikmati perjalanan lebih senang dan selamat. Seperti kad TNG dan SmartTAG, RFID memastikan tiada transaksi tol dilakukan secara fizikal di lorong tol, manakala tambah nilai boleh dilakukan tanpa perlu ke pusat tambah nilai kerana melalui aplikasi TNG eWallet.

Di samping itu, pemasangan dan penyelenggaraan tag RFID jauh lebih menjimatkan pengguna.

Berbanding SmartTAG berharga sekitar RM100 dan perlu ditukar bateri secara berkala, tag RFID hanya berharga sepertiga, mudah dipasang sendiri dan tidak memerlukan bateri untuk berfungsi.

Namun, berdasarkan maklum balas pengguna mengenai penggunaan sedia ada tag RFID ini khususnya di plaza tol terbuka di Lembah Klang, ada penambahbaikan wajar diberi perhatian bagi memastikan objektif pelaksanaan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya.

Antara perlu diberi perhatian ialah keberkesanan sistem pemancar dan pengimbas tag RFID sedia ada. Ketika ini, ada pengguna terpaksa memperlambatkan kenderaan ketika memasuki lorong RFID bagi membolehkan imbasan tepat.

Ada juga mengeluh tag dipasang tidak dapat dikesan dan dibaca ketika melalui plaza tol. Ini mengakibatkan mereka terpaksa berhenti dan mengundur beberapa kali. Sekiranya masih gagal, mereka terpaksa mengundur untuk menukar laluan bagi menggunakan kad TNG.

Suasana ini akan mengakibatkan kesesakan bahkan perasaan panik kepada sesetengah pemandu, sekali gus boleh mendatangkan risiko kemalangan di

plaza tol.

Jumlah lorong RFID di plaza tol juga perlu ditambah bagi melancarkan transaksi. Ketika ini, majoriti plaza tol hanya mempunyai satu sahaja lorong untuk transaksi tol kaedah berkenaan. Ini jelas tidak mencukupi ketika berdepan waktu puncak harian atau ketika musim perayaan, terutama sekiranya berlaku situasi kegagalan imbasan tag.

Di samping itu, kelekaan pengguna memastikan jumlah wang baki secukupnya dalam akaun e-dompet turut menjadikan suasana kesesakan di lorong RFID. Ini disebabkan sistem sedia ada tidak akan membenarkan duit ditolak sekiranya jumlah minimum bayaran tidak mencukupi.

Apa yang boleh dicadangkan bagi mengatasi masalah ini adalah membenarkan kutipan baki negatif pada kadar maksimum tertentu. Baki negatif boleh ditebus semula ketika tambah nilai seterusnya. Justeru, tiada kelibat kenderaan terpaksa 'bersidai' sementara menunggu pekerja plaza tol untuk menjelaskan bayaran.

Selain itu, kerjasama dengan pihak bank boleh diwujudkan agar akaun e-dompet disambung terus ke akaun simpanan pengguna seperti dilaksanakan di negara Kesatuan Eropah (EU) dan Australia.

Difahamkan juga, seiring pelaksanaan sistem RFID, sistem pengecaman nombor pendaftaran automatik (ANPR) turut akan diperkenalkan secara berperingkat. Sekiranya sistem ANPR ini boleh diintegrasikan dengan pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sistem kutipan tol boleh dilaksanakan lebih efektif.

Hal ini sudah digunakan di Melbourne dengan kutipan tol dikutip melalui bil dihantar terus ke alamat rumah pengguna berdasarkan maklumat diperolehi daripada sistem ANPR dan senarai daftar hak milik kenderaan.

Langkah kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya ini wajar diberi sokongan khususnya pengguna lebuhraya.



Transaksi tol menerusi RFID dilaksana secara berperingkat.  
(Foto hiasan)



28 January 2022

# Konsep 'kongsi ruang' jadikan jalan raya lebih selamat



Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar  
dan Dr Shahrin Nasir  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Jabatan Teknologi  
dan Pengajian  
Rantian Bekalan,  
Universiti Teknologi  
MARA (UTM)

**Cadangan** Kementerian Pengangkutan untuk mengkaji pelaksanaan had laju 30 kilometer sejam (km/j) hingga 50 km/j harus disambut baik, bahkan dilaksanakan segera. Cadangan pelaksanaan ini merangkumi zon tertentu di sekitar ibu negara.

Cadangan diusulkan bersama oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu bertujuan meningkatkan keselamatan serta mengurangkan kadar kemalangan membabitkan pengguna jalan raya, terutama pejalan kaki.

Ini amat wajar kerana jumlah kemalangan tinggi dan kerap di lokasi tertentu seperti kawasan perumahan, sekolah, hospital dan kawasan segi tiga emas ekonomi di ibu negara.

Walaupun umum sedia maklum untuk berhati-hati dan memperlakukan kelajuan kenderaan ketika melalui zon ini, sikap sesetengah pemandu mementingkan diri amat dikesali.

Ada yang masih tidak memperlakukan, bahkan memandu melebihi daripada had laju. Ada juga memandu dengan berbahaya, tanpa mengendahkan hak keselamatan pengguna yang lain.

Akibatnya, ia mengundang nahas tidak diingini. Tambah dikesalkan, mereka pula menyalahkan mangsa khususnya pejalan kaki dan pemandu kenderaan kecil. Sekiranya dilaksanakan sebaik mungkin, ia membolehkan golongan tidak menggunakan kenderaan bermotor seperti pejalan kaki dan penunggang basikal bercampur dengan trafik bermotor menjalankan aktiviti seharian di sesuatu kawasan dengan lebih selamat.

Konsep 'shared space' atau perkongsian ruang ini amat popular di kota raya seperti Auckland, Adelaide, Stockholm dan bandar utama di Belanda. Ia

bukan sahaja mengurangkan kadar kemalangan, bahkan mewujudkan persekitaran mesra pengguna, mengurangkan pencemaran serta merancakkan aktiviti ekonomi setempat.

Harus diingatkan keberkesanan cadangan ini tidak semata-mata tertumpu pengurangan had laju. Kadar kemalangan tidak akan berkurangan dengan had laju rendah semata-mata, sebaliknya perlu disertakan dengan sistem sokongan menyeluruh.

Di bandar utama di Belanda, konsep perkongsian ruang ditambah baik bersama kaedah kejuruteraan jalan raya menekankan teknik peredaan dan pengekangan trafik.

Memandangkan kenderaan bermotor akan masih mendominasi zon ini, kaedah sampingan mengawal pergerakan trafik perlu dilaksanakan untuk meredakan pergerakan kenderaan bermotor ke satu tahap tidak membahayakan pengguna jalan raya. Antaranya, pemasangan bonggol jalan, satah halaju dan jalur rentas kuning yang akan secara langsung memaksa kenderaan mengurangkan kelajuan sedia ada.

Selain itu, pengubahan bahan dan penampilan

“Harus diingatkan keberkesanan cadangan ini tidak semata-mata tertumpu pengurangan had laju. Kadar kemalangan tidak akan berkurangan dengan had laju rendah semata-mata, sebaliknya perlu disertakan dengan sistem sokongan menyeluruh”

turapan jalan seperti penggunaan warna serta corak berbeza di zon ini membolehkan pemandu kenderaan lebih peka ketika memandu akan kewujudan pejalan kaki.

Teknik pengekangan trafik pula bertujuan untuk menyekang pergerakan kenderaan bermotor khususnya kenderaan berat apabila menghampiri sesuatu kawasan, terutama kawasan dianggap sensitif. Teknik ini lebih menjurus kepada memaksa sekatan secara separa atau sepenuhnya hingga mendorong pengguna kenderaan bermotor tidak melalui jalan raya di kawasan berkenaan.

Kaedah ini termasuk penukaran laluan dua hala sedia ada kepada laluan sehalu, penyempitan lorong, sekatan zon masa, sekatan kenderaan berat dan pemasangan hadangan serta aksesori jalanan.

Pembesaran ruang kaki lima sedia ada untuk pejalan kaki dan kenderaan bukan bermotor turut berkesan dalam memberi impak pemikiran kepada pemandu kenderaan bermotor bahawa laluan ini tidak mesra serta menarik untuk dilalui, sekali gus menyekang jumlah kemasukan kenderaan bermotor pada kadar tinggi.

Kejayaan teknik reda dan kekang trafik ini berupakan untuk memangkin keberkesanan cadangan pelaksanaan untuk mengurangkan had laju bukan sahaja di sekitar ibu negara bahkan juga sesuai dilaksanakan di bandar serta pekan kecil di negara ini. Ia juga terbukti menarik jumlah pengunjung ke sesuatu kawasan, sekali gus merancakkan industri pelancongan disebabkan wujudnya perasaan lebih selamat dan sihat dalam kalangan pengguna jalan raya.

Cadangan pelaksanaan pengurangan had laju ini sejajar dengan usul pihak Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Deklarasi Stockholm 2020 yang menuntut langkah tegas dan efektif diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya kepada separuh menjelang 2030.

Malaysia adalah antara 80 negara berikrar mendukung 18 mandat resolusi Deklarasi ini. Justeru, cadangan pelaksanaan ini harus diberi pertimbangan sewajarnya bagi mewujudkan suasana perkitaran selamat, sihat dan mesra kepada semua komuniti pengguna jalan raya.



30 January 2022

# Monopoli pasaran, sorok barang ‘kudis’ isu kenaikan harga



Pensyarah Kanan  
Jabatan Ekonomi dan  
Pengajian  
Kewangan, Fakulti  
Pengurusan dan  
Perniagaan  
di Universiti  
Teknologi MARA  
(UiTM) Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis  
bhrencana@bh.com.my

**Isu** kenaikan harga barangan bu-  
kanlah baharu dan semua penggu-  
na sangat mengambil tahu akan se-  
nario ini, kerana ia sangat mem-  
beri kesan kepada kesejahteraan  
kehidupan sebagai seorang peng-  
guna.

Sebelum ini, kita melihat isu ini  
sedikit reda apabila agensi ber-  
tanggungjawab mengambil tinda-  
kan sewajarnya. Semua mengha-  
rapkan tindakan dan pendekatan  
diambil bersifat jangka panjang  
dan tiada lagi isu kenaikan harga  
barang tercetus.

Namun harapan tinggal hara-  
pan. Senario semasa menunjukkan  
pengguna kembali dibelenggu ke-  
naikan harga barangan terutama keperluan  
asas. Mungkin semua tertanya-tanya kenapa  
isu ini kembali muncul.

Apakah puncanya dan adakah tiada kaw-  
alan pihak berwajib? Adakah disebabkan mo-  
nopoli pasaran wujud dalam pengeluaran  
barang keperluan ini? Semua ini mencetus  
pandangan bahawa isu kenaikan harga ba-  
rangan umpama tiada ke-  
sudahan walaupun pelba-  
gai pendekatan diambil se-  
perti penetapan harga si-  
ling, pemberian subsidi se-  
setengah barangan keper-  
luan dan sebagainya.

Jika sebelum ini, isu ke-  
naikan harga barangan ke-  
rap berlaku di musim pe-  
rayaan, namun kini tidak  
kira masa dan ketika. Ada  
mengatakan kenaikan har-  
ga barang ini disebabkan  
sifat sesetengah pembekal  
menyimpan stok barangan.

Dalam istilah ekonomi,  
ia lebih dikenali ‘hoarding activity’ (me-  
nyimpan barang). Aktiviti ini terjadi apa-  
bila pembekal barangan keperluan ingin  
mengaut keuntungan berlebihan. Mereka  
menyimpan stok barangan dengan harapan  
pihak berkuasa akan membuat satu kete-  
tapan harga bagi barangan terbabit.

Apabila penawaran barangan terhad dan  
permintaan tinggi, akhirnya harga ditetap-  
kan tinggi. Pengguna akan merasa terbeban  
dan pembekal meraih keuntungan maksi-  
mum.

Senario ini mungkin disebabkan kurang-  
nya pemantauan pihak berkuasa ke atas me-  
reka yang terbabit. Apabila pemantauan  
longgar dari segi penguatkuasaan dan tin-  
dakan, akhirnya pembekal sewenang-we-  
nangnya menaikkan harga barang dan me-  
reka dapat mengaut keuntungan berlipat  
ganda.

Sikap terlalu bergantung kepada orang te-  
ngah juga boleh dilihat antara sebab kenapa  
isu kenaikan harga barangan sukar dita-  
ngani. Senario ini lebih kepada monopoli  
pasaran, di mana orang tengah mendo-  
-

nasi pasaran barangan hinggalah mereka  
sesuka hati menaikkan harga.

Apabila orang tengah menaikkan harga  
ke atas barangan, sudah semestinya peniaga  
juga perlu melakukan perkara sama supaya  
tidak menanggung kerugian. Akhirnya, pe-  
niaga dalam dilema dan tersepit antara  
rungkutan pengguna dan kenaikan harga ba-  
rangan.

Apabila penguatkuasaan dijalankan, seha-  
rusnya lebih komprehensif di mana turut  
dilakukan ke atas orang tengah yang men-  
dominasi pasaran supaya dapat mencari  
punca kenapa berlakunya kenaikan harga  
barangan dalam pasaran, bukannya sekadar  
menyasarkan peniaga.

Seandainya penguatkuasaan dibuat secara  
terpilih dan kepada satu pihak sahaja, ia  
umpama tidak adil bagi mereka. Oleh itu  
agensi berwajib perlu membuat pemantauan  
dan penguatkuasaan ke atas seluruh eko-  
sistem pengeluaran barangan bermula da-  
ripada pengeluar hinggalah peringkat akhir  
iaitu peniaga.

Antara solusi diambil kerajaan di bawah  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ialah  
dengan memperkenalkan Skim Harga Mak-  
simum Keluarga Malaysia (SHMKM). Ia un-  
tuk memastikan kawalan

harga ke atas barangan ke-  
perluan harian termasuk  
ayam, telur dan sayur-sa-  
yuran berada pada harga  
siling supaya tidak mem-  
beri bebanan kepada peng-  
guna.

Namun adakah skim ini  
solusi terbaik dalam men-  
jamin tiada lagi kenaikan  
harga barangan pada masa  
hadapan?

Menteri Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal  
Ehwal Pengguna, Datuk  
Seri Alexander Nanta

Linggi, ada menyatakan apabila SHMKM ta-  
mat, berkemungkinan akan berlakunya pe-  
ningkatan harga siling ke atas barangan  
kawalan terbabit.

Jadi, kerajaan perlu memikirkan meka-  
nisme bagaimana mengawal harga sejurus  
skim ini berakhir, walaupun kerajaan ber-  
janji peningkatan harga tidak akan mem-  
bebaskan pengguna.

Situasi ini tersangat subjektif dan amat  
sukar dinilai. Isu aktiviti penyimpanan ba-  
rang dan monopoli pasaran pengeluaran ba-  
rangan perlu diatasi segera supaya tidak  
menjadi kudis dalam pasaran pengeluaran  
barangan.

Jika tidak diatasi segera, dikhawatiri ia te-  
rus memberi tekanan kepada kerajaan ter-  
masuklah pengguna. Jadi, kita harapkan so-  
lusi yang memberi impak positif dalam isu  
kenaikan harga barang ini, bukannya ber-  
sifat bermusim.

Semoga setiap pendekatan dan solusi ba-  
kal dilaksanakan memberi sinar baharu ke-  
pada pengguna dalam menepani permasa-  
lahan kenaikan harga barang.

“Apabila  
penawaran  
barangan terhad  
dan permintaan  
tinggi, akhirnya  
harga ditetapkan  
tinggi”



31 January 2022

# Takaful perubatan semakin jadi keperluan



Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid  
dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti  
Pengurusan dan  
Perniagaan,  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM)  
Kampus Puncak  
Alam

**Pandemik** mengajar kita terus bersedia menghadapi sebarang musibah dan kemungkinan risiko yang tidak pasti. Ia juga membuka mata masyarakat akan pentingnya keperluan menyediakan perlindungan kewangan bagi tujuan rawatan dan perubatan kesihatan.

Walaupun kadar penembusan pelan perlindungan di Malaysia masih rendah sekitar 41 hingga 45 peratus, ia dijangka terus meningkat tahun ini disebabkan wujudnya kebimbangan terhadap varian baharu COVID-19.

Berdasarkan tinjauan terhadap trend kos perubatan kasar di rantau Asia-Pasifik bagi 2022, Malaysia diletakkan pada kedudukan kedua tertinggi selepas India dengan kos perubatan kasar dianggarkan sekitar 16.2 peratus. Ini suatu peningkatan ketara berbanding 2021 iaitu sekitar 7.8 peratus.

Keadaan ini juga mendorong peningkatan permintaan terhadap pelan perlindungan perubatan di Malaysia, dengan antara faktor pendorong adalah keperluan mendesak orang ramai untuk mendapatkan kemudahan rawatan dan perubatan dengan cepat serta selesa.

Benar ada hospital kerajaan, namun ia tidak mampu memberi jaminan kepada orang ramai untuk mendapatkan rawatan sekiranya keadaan seperti tempoh awal penularan virus COVID-19 di Malaysia berulang.

Ketika kemuncak penularan pandemik, hampir ke-

seluruhan kapasiti hospital kerajaan diguna pakai bagi tujuan merawat pesakit COVID-19. Sebilangan besar orang ramai perlu mendapatkan rawatan dan perubatan di hospital swasta berhampiran.

Ini menimbulkan masalah kepada pesakit yang tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans atau takaful perubatan.

Secara umum, perlindungan perubatan di Malaysia menawarkan kemudahan kad perubatan bagi menampung kos rawatan dan perubatan di hospital swasta, termasuk untuk tujuan pembedahan, rawatan penyakit kronik, kemalangan dan masalah kesihatan lain.

Namun, keputusan mendapatkan perlindungan insurans atau takaful perubatan bukanlah mudah. Banyak kriteria perlu dipertimbangkan dan dinilai mengikut kemampuan individu tersendiri. Antaranya had tahunan dan had seumur hidup yang ditawarkan.

Had tahunan merujuk jumlah maksimum rawatan dan perubatan boleh dituntut pemegang polisi



Skim perlindungan kesihatan menjadi penting berikutan pandemik COVID-19 melanda negara.

perubatan daripada pengendali pelan perlindungan setiap tahun. Dengan kenaikan kos rawatan dan perubatan hari ini, sudah tentu had tahunan tinggi menjadi pilihan utama. Sebaliknya, had seumur hidup ditawarkan pengendali pula adalah jumlah maksimum boleh dituntut seumur hidup orang yang dilindungi. Penting diambil tahu jika jumlah maksimum bagi had tahunan dan had seumur hidup habis digunakan, sebarang kos rawatan dan perubatan selepas itu tidak lagi akan ditanggung syarikat pengendali.

Jumlah maksimum bagi had tahunan dan had seumur hidup adalah berbeza, bergantung jenis pelan dan syarikat pengendali dipilih. Jadi, buatlah pilihan - ukur baju di badan sendiri.

Selain itu, setiap pelan perlindungan perubatan mempunyai hospital panel tersendiri. Dengan kemudahan hospital panel ini, pemegang polisi boleh memilih mendapatkan rawatan dan perubatan segera dengan lebih selesa.

Justeru, penting memastikan setiap pemegang polisi mengetahui lokasi hospital panel berhampiran bagi memudahkan segala urusan nanti.

Pemilik pelan perlindungan perubatan juga harus menyemak dengan teliti kandungan polisi ditawarkan. Pastikan segala perlindungan, pengecualian, terma dan syarat terkandung dalam polisi insurans atau sijil takaful perubatan difahami dengan jelas. Bayaran premium juga haruslah bersesuaian perlindungan diperoleh.

Penting diingat supaya mengelak memiliki polisi perubatan dengan niat sekadar 'janji ada'. Jika ini berlaku, besar kemungkinan akan mengalami kerugian jika ada sebahagian risiko perubatan tidak dilindungi atau ada yang bukan keperluan kita.

Jalan terbaik, rujuk perunding syarikat pengendali yang boleh membantu menyediakan perlindungan perubatan bersesuaian.

(Foto hiasan)





**THANK YOU**  
***to all news writers***

**From: FBM Corporate  
communication team**